

Majlis angkat sumpah jawatan tidak dihadiri 51 orang ADUN

Azmin Ali MB Selangor ke-15

KOSMO 24/9/14 MS 2



Krisis Menteri Besar
Selangor

Oleh NORHAYATI YAHAYA dan
MOHD. AZLI ADLAN
berita@kosmo.com.my

KLANG – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Antarabangsa, Mohamed Azmin Ali mengangkat sumpah jawatan sebagai Menteri Besar Selangor ke-15 di hadapan Sultan Sharafuddin Idris Shah di Balai Rong Seri, Istana Alam Shah di sini semalam.

Azmin, 50, yang juga Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) mengangkat sumpah pada pukul 10.45 pagi bagi menggantikan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang dipecat daripada parti tersebut.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Gombak turut melafazkan 10 Ikrar Aku Janji dengan memegang lambing kerajaan yang berserta dengan kuning pada Istiadat Angkat Sumpah dan Ikrar Aku Janji serta Pengurniaan Surat Cara Pelantikan

istiadat itu ialah isteri Azmin, Shamsidar Taharin; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohamed Khusrin Munawi dan Speaker Dewan Undangan Negeri, Hannah Yeoh.

Empat bekas Exco kerajaan negeri daripada Pas, Dr. Halimah Ali, Sallehin Mukhyi, Iskandar Abdul Samad dan Dr. Ahmad Yunus Hairi turut menghadiri istiadat itu.

Sementara itu, ADUN lain daripada PKR, Pas, DAP dan Barisan Nasional (BN) tidak mendapat undangan untuk menghadiri istiadat tersebut.

Abdul Khalid juga tidak menghadiri majlis tersebut kerana bercuti ke luar negara.

Azmin turut berikrar tidak akan menderhaka kepada Sultan Selangor dan berjanji untuk mematuhi segala arahan dan ketetapan yang dikeluarkan oleh baginda.

Beliau kemudiannya menandatangani pelantikannya sebagai Menteri Besar baharu yang disaksikan Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam, Datuk Mohamad Za-



SHAMSIDAR



AZMIN mencium tangan ibunya, Che Tom Yahaya selepas dilantik menjadi Menteri Besar Selangor di kediamannya di Kampung Klang Gate Baru, Hulu Klang semalam.

bidin Mohd Diah.

Ketika ditemui pemberita selepas majlis tersebut berakhir, Azmin berkata, pemilihan barisan Exco kerajaan

Selangor yang baharu akan selesai selewat-lewatnya esok sebelum majlis angkat sumpah jawatan itu berlangsung pada Jumaat ini.

“Saya berikrar tidak akan menderhaka kepada Sultan Selangor dan berjanji untuk mematuhi segala arahan dan ketetapan yang dikeluarkan oleh baginda

MOHAMED AZMIN ALI

INFO Komposisi parti dalam Dewan Undangan Negeri Selangor

Parti	Kerusi
Pas	15
DAP	15
PKR	13
Barisan Nasional	12
Bebas	1
Jumlah	56

Hadi ucap tahniah kepada Azmin

KUALA TERENGGANU – Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengucapkan tahniah kepada anggota Dewan Undangan Negeri Bukit Antarabangsa, Mohamed Azmin Ali atas pelantikan beliau sebagai Menteri Besar Selangor yang baharu.

Beliau berkata, Azmin yang juga Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat kini harus memikul amanah yang diberikan Sultan Selangor dan rakyat Selangor kerana pelantikan itu juga berjaya menyelesaikan isu pengganti Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

“Tahniah kepada Azmin yang telah dilantik sebagai Menteri Besar Selangor dan kemelut politik di Selangor dapat diselesaikan dengan baik,” katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu di sini semalam.

Katanya, Pas akan kekal dalam Pakatan Rakyat di Selangor dan tidak pun terkilan dengan penolakan calon daripada parti pimpinannya untuk jawatan itu kerana dari awal lagi PAS tidak mahukan jawatan

ian Surat Cara Pelantikan. Antara kandungan ikrar yang dilafazkan Azmin itu ialah beliau akan memelihara dan menjunjung tinggi prinsip Rukun Negara serta memelihara kedaulatan institusi Raja selain mempertahankannya daripada dicemari dan diganggu-gugat oleh mana-mana pihak.

“Memelihara kedudukan istumewa orang Melayu dan pada masa yang sama kepentingan sah kaum lain seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959,” ikrarnya. Turut hadir menyaksikan



AZMIN (dua dari kiri) menandatangani watikah pelantikan jawatan Menteri Besar sambil disaksikan Mohamad (kanan) di Istana Alam Shah, Klang semalam.

Azmin perlu buktikan dapat sokongan

KUALA LUMPUR – Menteri Besar Selangor yang baharu, Mohamed Azmin Ali perlu membuktikan beliau mendapat sokongan majoriti daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) selepas dilantik memegang jawatan itu.

Penganalisis politik dan hubungan antarabangsa dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr. Azmi Hassan berkata, cabaran pertama Azmin sebagai Menteri Besar adalah untuk mendapatkan sokongan tersebut menjelang sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) pada November depan.

“Cabaran pertama Azmin adalah untuk mendapatkan sokongan menjelang sidang DUN November ini tetapi beliau juga akan menghadapi te-



AZMI



AHMAD ATORY



MOHAMED

kanan parti sendiri untuk menentukan pentadbiran negeri.

“Bagi saya, Azmin akan melaksanakan tugas mengikut konsensus Pakatan Rakyat bukan seperti Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim (bekas Menteri Besar) yang mempunyai pendirian yang tersendiri,” katanya.

Beliau mengulas mengenai cabaran yang perlu dihadapi

Azmin yang juga Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) selepas beliau memegang jawatan sebagai Menteri Besar Selangor yang ke-15.

Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Antarabangsa Majlis Profesor Negara, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, Azmin perlu menggalas tanggungjawab

yang amat berat kerana beliau perlu menangani masalah rakyat negeri Selangor.

“Kerusi Menteri Besar ini bukannya untuk berasa bangga. Cabarannya besar dan tanggungjawabnya amat berat. Abdul Khalid yang berintegriti tinggi tidak dapat bertahan, maka Azmin perlu bijak menghadapi cabaran,” katanya.

Sementara itu, Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia, Prof. Dr. Ahmad Atory Hussain berkata, jangka hayat karier politik Azmin bergantung kepada tiga komponen utama dalam PKR.

“Pertamanya, beliau mesti mendapat sokongan majoriti daripada semua ADUN PKR dan DAP,” katanya.

tersebut. – Bernama

Hormati keputusan Sultan Selangor

TUMPAT – Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob berharap Menteri Besar baharu Selangor, Mohamed Azmin Ali akan dapat melaksanakan tugasnya dengan berkesan.

“Saya mengucapkan tahniah kepada Azmin setelah diperkenan oleh Sultan Selangor yang melantik beliau sebagai Menteri Besar baharu negeri itu,” katanya ketika ditemui pemberita di Pantai Sri Tujoh di sini semalam.

Menurut Ahmad, semua pihak harus menghormati keputusan yang telah dibuat oleh Istana Selangor.

Beliau juga menyifatkan pelantikan Menteri Besar yang baharu oleh Sultan Selangor itu sebagai penyelesaian terbaik bagi menamatkan krisis Menteri Besar Selangor.